



KEMENTERIAN DALAM NEGERI MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/UPKJ/PUKONSA/Kementerian Kewangan Malaysia dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

NO. / TAJUK TENDER	TARAF / JENIS SYARIKAT *	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH LAWATAN TAPAK	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT & TARIKH TAWARAN DITUTUP
KDN/PB/T/02/2018 CADANGAN PEMBINAAN BALAI POLIS SPAOH, BETONG, SARAWAK	Bumiputera/ T1	Mempunyai pendaftaran seperti berikut:- i) Lembaga pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); Gred : G6 Kategori : B & CE Pengkhususan : B04 dan CE21 atau ii) Unit Pendaftaran Kontraktor (UPKJ) Kelas B Kepala I Sub Head I & Kepala II, Sub Head 2a dan iii) Memegang perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan sijil Taraf Bumiputera yang masih sah.	Dewan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Betong, Jalan Feeder 95700 Betong, Sarawak. Khamis, 6 September 2018 Jam 11.00 Pagi Taklimat dan Lawatan Tapak Adalah Diwajibkan	Kaunter Berpusat Khidmat Pelanggan Kementerian Dalam Negeri, Aras G, Blok D1, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya. Rabu, 12 September 2018 Hingga Rabu, 26 September 2018	RM550.00 (Tidak akan Dikembalikan) Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Dalam Bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang Sahaja (Bayaran Dalam Bentuk Tunai Atau Wang Pos Tidak Diterima)	Peti Tender, Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri, Aras 2, Blok D1, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya. Rabu, 3 Oktober 2018 Sebelum atau Pada Jam 12.00 Tengahari

BAGI LAWATAN TAPAK ATAU SESI TAKLIMAT TENDER YANG DIWAJIBKAN, HANYA PENAMA YANG TERCATAT DI DALAM SIJIL PPK, SPKK, UPKJ ATAU PUKONSA YANG DIBENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK ATAU SESI TAKLIMAT BERKENAAN. KONTRAKTOR/SYARIKAT TIDAK BOLEH MEWAKILKAN PEGAWAI SELAIN PENAMA DALAM PPK, SPKK, UPKJ ATAU PUKONSA.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

BAGI TUJUAN PEMBELIAN DOKUMEN TENDER, bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank / kiriman wang di atas nama Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor hendaklah membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (jika berkenaan) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan).

- *Jenis Syarikat Tempatan :
- T1 - Syarikat 100% milik tempatan
 - A1 - Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
 - A2- Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL atau syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara tempatan.

Sila Layari <http://www.moha.gov.my> Untuk Keterangan Lanjut